Wahab bin Osman lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — RAYUAN JENAYAH NO 42–05 TAHUN 2001
NIK HASHIM H
12 DISEMBER 2002

Undang-Undang Jenayah — *Kanun Keseksaan (Malaysia) — s 366 — Penculikan atau pemelarian wanita bagi tujuan memaksa beliau berkahwin — Elemen-elemen kesalahan — Sama ada tertuduh telah menculik atau melarikan seorang wanita — Sama ada penculikan atau pemelarian tersebut dibuat dengan niat untuk memaksa wanita tersebut berkahwin dengan tertuduh*

Acara Jenayah — *Rayuan — Sabitan dan hukuman, terhadap — Tertuduh disabitkan kerana menculik atau melarikan seorang wanita untuk memaksa beliau berkahwin — Sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes melampaui keraguan munasabah di akhir kes pendakwaan — Sama ada pihak pendakwa telah membuktikan wanita tersebut telah diculik atau dilarikan oleh tertuduh bagi tujuan memaksa beliau berkahwin*

Perayu telah didakwa dengan kesalahan di bawah s 366 Kanun Keseksaan ('Kanun tersebut') kerana menculik atau melarikan seorang wanita dengan niat untuk memaksa wanita tersebut berkahwin dengannya. Perayu telah disabitkan atas dakwaan tersebut oleh mahkamah sesyen dan dijatuhi hukuman penjara lima tahun. Ini adalah rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Alasan-alasan rayuan yang diutarakan oleh perayu adalah: (a) hakim mahkamah sesyen telah tidak menyatakan di dalam rekod rayuan akan pendapatnya di akhir kes pendakwaan sama ada beliau telah berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes tersebut melampui keraguan yang munasabah; dan (b) pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan bahawa wanita tersebut telah diculik atau dilarikan oleh perayu dengan niat untuk memaksa wanita tersebut berkahwin dengannya.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Berdasarkan kepada nota-nota perbicaraan yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen, hakim tersebut telah ada membuat catatan di akhir kes pendakwaan. Keputusan hakim telah disampaikan kepada perayu dan peguambelanya telah hadir semasa keputusan dibacakan. Ketinggalan catatan tersebut dalam rekod rayuan tidaklah memprejudiskan perayu dalam rayuannya yang mengakibatkan kegagalan keadilan (lihat ms 53E–F).

(2) Bagi kesalahan di bawah s 366 Kanun tersebut, pendakwaan perlu membuktikan bahawa: (i) perayu telah menculik atau melarikan seorang perempuan; dan (ii) penculikan atau pemelarian tersebut dilakukan bagi memaksa perempuan tersebut berkahwin dengan perayu (lihat ms 53F–G). Berkenaan dengan elemen (i), keterangan yang menunjukkan dengan jelas bahawa orang yang dilarikan oleh perayu adalah seorang perempuan dan jantinanya

tidak dipertikaikan oleh perayu. Elemen niat di dalam (ii) adalah penting bagi menentukan kesalahan di bawah s 366 Kanun tersebut. Sekiranya niat tersebut dapat dibuktikan, maka kesalahan tersebut menjadi lengkap. Wanita tersebut telah memberi keterangan di dalam mahkamah bahawa perayu telah semasa menculik beliau, mengugut akan membunuh beliau kecuali jika beliau berkahwin dengan perayu. Keterangan tersebut turut disokong oleh saksi pendakwa dan saksi pembelaan perayu sendiri (lihat ms 53H, 54D–G)

(3) Seksyen 366 Kanun tersebut menetapkan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan boleh juga dikenakan denda, jika sabitan. Perayu telah menggunakan kekerasan dan perbuatan ganasnya sudah tentu menjatuhkan maruah dan merosakkan nama baik wanita tersebut dan keluarganya. Perbuatan seperti ini sudah tentu mewajarkan hakim bicara menjatuhkan hukuman lima tahun ke atas perayu. Hukuman tersebut adalah berpatutan dan tidak terlampau berat (lihat ms 56A, C–D).

[English summary

The appellant was charged with an offence under s 366 of the Penal Code ('the Code') for kidnapping or abducting a woman to compel her marriage. The appellant was convicted of the said charge by the sessions court judge and was sentenced to five years' imprisonment. This was the appellant's appeal against the conviction and the sentence. The grounds of appeal advanced by the appellant were that: (a) the sessions court judge did not state in the appeal records his opinions at the end of the prosecution's case whether he was satisfied that the prosecution had proven the case beyond a reasonable doubt; and (b) the prosecution had failed to prove that the woman was kidnapped or abducted by the appellant in order to compel her marriage.

Held, dismissing the appeal:

(1) Based on the trial notes made by the sessions court judge, the judge had written a note at the end of the prosecution's case. The judge's decision was read to the appellant and his counsel was present when the deicision was read. The omission by the sessions court judge to state the same in the appeal records neither prejudiced nor caused any injustice to the appellant (see p 53E–F).

(2) For an offence under s 366 of the Code, the prosecution had to prove that: (i) the appellant had kidnapped or abducted the woman; and (ii) the kidnapping or abduction was done with an intention to compel the woman to marry the appellant (see

p 53F–G). In respect of (i), it was clear that the person abducted by the appellant was a woman and her gender had never been disputed by the appellant. The element of intention in (ii) was an important element to constitute an offence under s 366 of the Code. Once intention can be proven, the offence became complete. The woman had testified in court that the appellant had, at the time of the kidnapping, threatened to kill her unless she married him. The woman's testimony was corroborated by the testimonies of the prosecution witness as well as the defence witness (see pp 53H, 54D–G).

(3) The maximum sentence for a conviction of an offence under s 366 of the Code was ten years' imprisonment and may include a fine. The appellant had used force and such brutal act would definitely tarnish the good name of the woman and her family. Such an act justified the trial judge to impose a five-year imprisonment sentence. The sentence was reasonable and not excessive (see p 56A, C–D).]

Nota-nota

Untuk kes-kes di bawah s 366 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan-perenggan 1328–1330.
Untuk kes-kes rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 221–231.

Kes-kes yang dirujuk

Arulpragasan all Sandaraju v PP [1997] 1 MLJ 1 (dirujuk)
Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83 (dirujuk)
Dalip Bhagwan Singh v PP [1998] 1 MLJ 1 (dirujuk)
Sam Hong Choy v PP [1999] 4 MLJ 433 (dirujuk)
Yan Wing Lee v PP [1994] 2 CLJ 453 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta (Pindaan) Kanun Acara Jenayah 1997 s 4
Kanun Acara Jenayah ss 173(j)(iii), 294(1), 366, 422
Penal Code s 366

Ahmad Rushdi bin Omar (*Rushdi, Yusop & Partners*) bagi pihak perayu.
Othman bin Abdullah (Timbalan Pendakwa Raya) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Nik Hashim H:

Prakata

Perayu, 42 tahun, seorang peniaga, telah didapati bersalah dan disabitkan oleh Mahkamah Sesyen, Kuala Terengganu pada 9 Julai 2001 atas

kesalahan pada 1 November 1995 jam 7.30 pagi telah melarikan Junaidah bte Harun, seorang perempuan ('SP12'), 19 tahun, pekerja kilang, dengan niat memaksa perempuan tersebut berkahwin dengan perayu di bawah s 366 Kanun Keseksaan ('Kanun tersebut') dan telah dihukum penjara selama 5 tahun. Perayu telah merayu terhadap sabitan dan hukuman, dan pada 6 November 2002 selepas mendengar kedua belah pihak, saya telah tolak rayuannya, dan hukuman yang telah dijatuhkan dikekalkan.

Kes pendakwaan

Pada 1 November 1995 jam 7.30 pagi sedang Rahmah bte Jusoh (SP1), Lanni Mohamad, Juliana Md Yusof (SP2) dan SP12 berjalan menuju ke tempat kerja di HASU Industries Sdn Bhd, Chendering, Kuala Terengganu, tiba-tiba datang sebuah kereta bernombor BCF 5689 dari arah belakang berhenti dekat mereka, dan kemudian keluar perayu (SD6) dan dengan bantuan rakan beliau, telah menarik SP12 masuk ke dalam kereta. SP12 telah meminta tolong tetapi rakan-rakan SP12 tidak dapat berbuat apa-apa kerana ketakutan. Semasa kejadian tarik menarik, sebelah selipar ('P7') SP12 telah tertinggal di atas jalan. SP1 kemudiannya telah memaklumkan kepada supervisor mereka, SP3. Kemudian SP1 membuat laporan polis sebagaimana Chendering Report No 577/95–(P1).

Semasa dalam perjalanan dalam kereta, perayu telah mengeluarkan kata-kata seperti berikut kepada SP12:

> Aku hendak bunuh mu kalau tak ikut aku. (ms 116)
> Aku hendak suruh emak ayah mu menangis. (ms 117)
> Mu kawin dengan aku. (ms 118)
> SP12 jawab: 'Siapa hendak ke mu.'
> Perayu tampar SP12 dan cekik leher SP12 sambil berkata:
> 'Hantu lubok hitam mengamuk' dan perayu ketawa.

Kereta yang membawa lari SP12 telah dipandu oleh Yusof bin Ismail (SD7). Selain perayu, ada dua orang lagi dalam kereta itu. Kereta itu telah dibawa ke Sungai Tong dan singgah di rumah Sapinah Alias (SP13). Di rumah itu perayu telah mengugut SP12 dengan kata-kata:

> Aku hendak bunuh mu, kalau mu tak mahu kahwin dengan aku. (ms 122)
> Dah ... mu mesti sanggup nikah dengan aku.
> SP12 jawab: 'Tak emboh.' (ms 170)

Semasa di rumah SP13, SP12 telah meminta pertolongan SP13 untuk memberitahu polis bahawa SP12 telah dilarikan oleh perayu. SP13 mendapat bantuan Mahdi Yusof (SP8) yang kemudiannya telah memberitahu pihak polis. Bertindak atas maklumat itu, ASP Abdul Rahman Jid (SP6) terus berkejar ke Sungai Tong dan menangkap perayu dan selamatkan SP12. Perayu, SP12 dan kereta BCF 5689 telah dibawa ke Balai Polis Sungai Tong di mana satu laporan Sungai Tong Report 106/95 — (P3) telah dibuat. SP12 dapat mengecam perayu dan rakan-rakannya dalam satu kawad cam.

Keputusan mahkamah sesyen di akhir kes pendakwaan A

Kes ini telah dibicarakan oleh dua hakim mahkamah sesyen. Keseluruhan kes pendakwaan telah didengar oleh Tn Zainal Azman bin Abdul Aziz sebelum bertukar ke Mahkamah Sesyen Kuantan. Di akhir kes pendakwaan, beliau telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu kes tanpa keraguan yang munasabah terhadap perayu. Oleh itu, perayu telah B diperintahkan membela diri (ms 10 rekod rayuan tambahan). Kes di peringkat pembelaan dan seterusnya telah diambilalih dan disambung bicara oleh Tn Ahmad Zaidi bin Ibrahim, yang mendapati perayu bersalah dan menjatuhkan hukuman penjara ke atas perayu.

Kes pembelaan C

Dalam keterangannya, perayu telah menafikan dia telah menarik SP12 ke dalam keretanya dengan tujuan untuk memaksa SP12 berkahwin dengannya. Walau bagaimanapun, dia mengaku bahawa perjumpaan dia dengan SP12 di tepi jalan pada hari kejadian telah dirancang (ms 235). Perayu mengajak SP12 naik keretanya dan SP12 bersetuju. Tujuan perayu D mengajak SP12 naik keretanya adalah untuk mendapatkan balik wangnya sebanyak RM3,000 dan kain baju adiknya yang belum dipulangkan oleh SP12. Menurut perayu, SP12 sememangnya bersetuju untuk berkahwin dengan beliau tetapi bapa SP12 (SP10) tidak restui.

Keputusan mahkamah sesyen di akhir kes pembelaan E

Dalam alasan penghakiman di ms 309 rekod, hakim mahkamah sesyen berkata:

> Berdasarkan keterangan secara keseluruhan, saya merumuskan bahawa tertuduh (perayu) sememangnya merancang dan melarikan mangsa (SP12) F untuk tujuan mengahwini atau memaksa mangsa (SP12) berkahwin dengan beliau. Tindakan beliau adalah tindakan terdesak seorang 'desperado' yang enggan menerima hakikat bahawa beliau hanya bertepuk sebelah tangan atau 'syok sendiri' dan cinta beliau tidak dibalas.
>
> Setelah meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, pendakwaan dan pembelaan, mahkamah mendapati bahawa pihak G pendakwaan telah membuktikan kes tanpa sebarang syak yang munasabah terhadap Tertuduh (perayu) dan tertuduh telah gagal untuk menimbulkan sebarang syak yang munasabah terhadap kes pendakwaan tersebut. Dengan itu, tertuduh didapati bersalah dan disabitkan.

Setelah menimbang rayuan untuk meringankan hukuman, dan mengambilkira kepentingan awam, mahkamah sesyen telah menjatuhkan H hukuman penjara selama tempoh lima tahun ke atas perayu berkuatkuasa dari tarikh hukuman iaitu pada 9 Julai 2001. Atas permohonan perayu, pelaksanaan hukuman telah dibenarkan ditangguh pada 11 Julai 2001.

Hujah perayu atas sabitan I

Peguambela bagi pihak perayu, antara lain, telah berhujah atas dua alasan utama iaitu:

A (1) Tidak ada catatan oleh hakim bicara dalam rekod rayuan akan pendapatnya di akhir kes pendakwaan sama ada beliau telah berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya pada tahap melampaui keraguan yang munasabah.

(2) Pihak pendakwa telah gagal membukti bahawa SP12 telah dibawa
B lari oleh perayu dengan niat untuk memaksa SP12 berkahwin dengannya.

Hujah pendakwa atas sabitan

Dalam jawapannya, timbalan pendakwa raya, telah berhujah bahawa isu (1)
C yang dibangkitkan di atas adalah tidak diplidkan dalam petisyen rayuan perayu dan oleh itu, isu itu harus ditolak dan memetik kes *Yan Wing Lee v Public Prosecutor* [1994] 2 CLJ 453 bagi menyokong hujahnya.

Mengenai alasan (2) iaitu, intipati kesalahan, timbalan pendakwa raya menegaskan bahawa sabitan perayu adalah betul kerana ia berdasarkan atas keterangan saksi-saksi yang telah diterima oleh hakim mahkamah sesyen.
D Dengan itu, beliau pohon supaya rayuan ditolak.

Keputusan

Mengenai dakwaan peguambela bahawa tidak ada catatan dalam rekod rayuan oleh hakim bicara akan pendapatnya di akhir kes pendakwaan, saya
E bersetuju dengan dakwaan itu, dan saya benarkan ia dihujahkan walaupun ia tidak diplidkan dalam petisyen rayuan, kerana ia melibatkan kesahihan rekod. Namun demikian, saya telah menyemak nota perbicaraan asal hakim bicara dan saya dapati ada catatan dibuat di akhir kes pendakwaan. Pada 7 November 2000 keputusan telah disampaikan kepada perayu dan
F peguambelanya telah hadir semasa keputusan dibacakan. Sila lihat rekod rayuan (lampiran tambahan) ms 9 dan 10. Pada hemat saya, ketinggalan catatan tersebut dalam rekod rayuan tidaklah memprejudiskan perayu dalam rayuannya mengakibatkan kegagalan keadilan.

Bagi kesalahan melarikan perempuan bagi memaksa dia berkahwin dengan mana-mana orang bertentangan dengan kemahuannya di bawah
G s 366 Kanun tersebut, pihak pendakwa mesti membuktikan:

(1) perayu telah melarikan SP12, seorang perempuan;

(2) perbuatan melarikan itu mestilah dengan niat supaya SP12 dipaksa atau dengan mengetahui mungkin bahawa dia akan dipaksa berkahwin dengan perayu bertentangan dengan kemahuannya.

H

Niat tertuduh seperti elemen (2) di atas adalah penting bagi menentukan kesalahan di bawah s 366 Kanun tersebut. Sekiranya niat tersebut dapat dibuktikan, maka kesalahan itu menjadi lengkap, sama ada atau tidak tertuduh berjaya mencapai maksudnya dan sama ada atau tidak dalam kejadian itu perempuan tersebut akhirnya bersetuju untuk berkahwin. Niat
I ialah suatu perkara inferens daripada hal keadaan kes dan kelakuan kemudian tertuduh selepas perbuatan melarikan itu berlaku. *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes*, 25th Edn 2002, di ms 1805 berkata:

> ... the intent of the accused is the vital question for determination in each case. Once the necessary intent of the accused is established the offence is complete, whether or not the accused succeeded in effecting his purpose, and whether or not in the event the woman consented to the marriage ... . Intention is a matter of inference from the circumstances of the case and the subsequent conduct of the accused after the abduction has taken place.

Kedua-dua elemen bagi kesalahan itu hendaklah dibuktikan dan oleh kerana kes ini berlaku pada tahun 1995, sebelum 31 Januari 1997, maka beban pembuktian pihak pendakwa di peringkat akhir kes pendakwaan ialah bukti yang melepasi keraguan yang munasabah. Dengan lain perkataan, sebelum perayu boleh dipanggil membela diri pihak pendakwa hendaklah membuktikan elemen-elemen tersebut ke tahap melampaui keraguan yang munasabah (sila lihat *Arulpragasan a/l Sandaraju v Public Prosecutor* [1997] 1 MLJ 1; *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1; Akta (Pindaan) Kanun Acara Jenayah 1997 s 4).

Persoalan sekarang ialah sama ada pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesemua elemen di atas terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah. Dalam hubungan ini, saya bersetuju dengan keputusan hakim mahkamah sesyen memanggil perayu bagi membela diri dan seterusnya mensabitkan perayu atas pertuduhan. Daripada keterangan yang ada, saya dapati sabitan adalah betul di sisi undang-undang.

Bagi elemen (1), walaupun tiada keterangan terus yang mengatakan SP12 ialah seorang perempuan, keterangan yang ada menunjukan tersebutkan dengan jelas bahawa SP12 ialah seorang perempuan. Nama beliau, Junaidah bte Harun adalah memadai bagi maksud ini. Lagipun, jantina SP12 tidak dipertikaikan. Perayu telah melarikan SP12 dengan kereta dan kejadian ini telah diterangkan dengan cukup jelas oleh SP12 sendiri seperti terdapat di ms 113–161 dan keterangannya disokong pula dengan keterangan saksi-saksi: SP1 di ms 10, SP2 di ms 25 dan SP13 di ms 162 rekod.

Bagi elemen (2), SP12 mengatakan perayu telah mengeluarkan kata-kata berikut semasa dia dibawa lari, dan SP12 ada menjawab:

> Aku hendak bunuh mu kalau tak ikut aku. (ms 116)
> Mu kawin dengan aku. (ms 118)
> SP12 jawab: 'Siapa hendak ke mu.' (ms 118)
> Aku hendak bunuh mu, kalau mu tak mahu kahwin dengan aku. (ms 122)

SP13 dalam keterangannya telah menyokong keterangan SP12. SP12 ada membuat komplen kepada SP13 di rumah SP13 bahawa SP12 telah dibawa lari oleh perayu. Ini adalah keterangan SP13:

> Junaidah ada beritahu saya kenapa dia dicolek — sebab Wahab hendak kawin dengan dia (Junaidah). Junaidah kata lagi — minta selamatkan dia (ms 164).

Semasa perayu dan SP12 berada di rumah SP13, SP13 ada mendengar perbualan antara perayu dengan SP12 seperti jawapan kepada soalan-soalan berikut:

> S: Ada dengar apa perbualan?

J: Dengar ... 'Dah' 'mu mesti sanggup nikah dengan aku.' Junaidah kata 'tak amboh' dengar perkataan.

J: Paksa.

S: 'Mu mesti sanggup' — nada apa?

J: Paksa.

S: Kenapa?

J: Bunyi suara garang. (ms 170)

Kebenaran kes pendakwaan turut disokong oleh saksi perayu sendiri. Dalam keterangannya, SD7, pemandu kereta, memberitahu bahawa semasa di dalam kereta, dia telah mendengar perayu berkata kepada SP12: 'Hari ini kalau kita terus ke Thailand untuk kawin macam mana?' (ms 240). Jadi dalam hubungan ini, saya bersetuju dengan pendapat hakim bicara bahawa perayu sememangnya inginkan berkahwin dengan SP12 adalah 'overwhelming'. Malangnya, keinginan perayu itu dibuat secara paksa, bertentangan dengan kemahuan SP12. Soal tiadanya persiapan untuk berkahwin seperti panggil jurunikah, tidak penting dalam proses menentukan niat perayu dalam kes ini, kerana perbuatan perayu terhadap SP12 sudah mencukupi bagi melengkapkan suatu kesalahan di bawah s 366 Kanun tersebut, walaupun perayu tidak berjaya mencapai maksudnya untuk berkahwin dengan SP12. Perbuatan ganas perayu memperlihatkan niat jahat sebenar perayu terhadap SP12.

Pihak saya bersetuju dengan timbalan pendakwa raya bahawa adalah tidak munasabah bagi perayu membawa SP12 sampai ke rumah SP13 yang terletak jauh dari tempat kerja SP12 semata-mata untuk bertanya pasal wang atau baju. Pertanyaan sedemikian boleh dilakukan dan diselesaikan tanpa perlunya SP12 dibawa jauh dari tempat kejadian sehingga meninggalkan kerjanya.

Sabitan perayu adalah berdasarkan penemuan fakta dan kebolehpercayaan saksi-saksi. Mahkamah ini, bertindak sebagai mahkamah rayuan, akan was-was semasa mengganggu penemuan sedemikian memandangkan kebolehpercayaan seorang saksi adalah terutamanya suatu perkara untuk hakim bicara kecuali keputusan tersebut adalah dengan jelasnya silap dan bertentangan dengan kekuatan keterangan yang ada (sila lihat *Sam Hong Choy v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 433 (CA)). Dalam kes sekarang, hakim bicara tidak silap dalam keputusannya. Beliau telah mengarahkan dirinya kepada isu-isu di hadapannya dengan betul.

Hukuman

Tentang rayuan terhadap hukuman, saya merujuk kepada peringatan yang telah diberi oleh Mahkamah Persekutuan terdahulu dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83 di mana Raja Azlan Shah Ag LP (Baginda ketika itu) berkata (pada ms 84):

> ... this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.

Seksyen 366 Kanun tersebut menetapkan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda, jika sabitan. Perayu telah menggunakan kekerasan terhadap SP12, dan perbuatan ganasnya sudah tentu menjatuhkan maruah dan merosakkan nama baik SP12 dan keluarganya. Timbalan pendakwa raya menyifatkan 'hanya mereka yang tidak mempunyai anak perempuan atau adik perempuan sahaja yang akan menyifatkan perbuatan perayu yang telah bertindak seperti lanun itu tidak terjumlah kepada perbuatan yang tidak menjatuhkan maruah.' Selain itu, tingkahlaku perayu semasa memberi keterangan yang telah memberitahu mahkamah dia dan SP12 pernah berpeluk, dan soalan peguambela perayu semasa menyoal balas SP12 yang mendakwa SP12 telah tidur bersama perayu dan sama ada telah melakukan persetubuhan dengan perayu di rumah SD2 (ms 139) di mana kesemuanya itu tidak dapat dibuktikan oleh perayu adalah perbuatan atau usaha yang tidak henti-henti oleh perayu untuk menjatuhkan maruah SP12 dan keluarganya. Perbuatan seperti ini sudah tentu mewajarkan hakim bicara menjatuhkan hukuman lima tahun ke atas perayu. Demi keadilan semua pihak, termasuk perayu sendiri, hukuman tersebut adalah berpatutan dan tidak terlampau berat. Hakim bicara tidak silap dalam prinsip hukuman. Beliau telah mengambilkira kepentingan awam dan jenis kesalahan apabila menjatuhkan hukuman tersebut. Dalam kes ini, perayu telah melarikan SP12 dengan secara paksa dan 'mengurung' SP12 sehinggalah beliau berjaya diselamatkan. Oleh itu, hukuman jaminan untuk kelakuan baik di bawah s 294(1) Kanun Acara Jenayah ('KAJ') seperti dipohon oleh perayu adalah amat tidak sesuai dengan fakta yang ada.

Seksyen 173(j)(iii) Kanun Acara Jenayah ('KAJ')

Dalam mendengar rayuan ini, saya perhatikan perayu telah memberi keterangan pembelaannya selepas lima orang saksinya, memberi keterangan. Dia menjadi saksi yang keenam, 'SD6' seperti di ms 214. Pihak saya telah menyoal peguambela perayu mengapa perkara ini berlaku; jawabnya ialah untuk kesenangan saksi-saksi. Saya dapati amalan ini luar aturan dan bertentangan dengan peruntukan s 173(j)(iii) KAJ yang memperuntukkan:

> When the accused is called upon to enter on his defence, he may produce his evidence and shall be allowed to recall and cross-examine any witness present in the court or its precincts:
>
> Provided that if the accused elects to be called as a witness, his evidence shall be taken *before* that of other witness for the defence:
>
> Provided further that any accused person who elects to be called as a witness may be cross-examined on behalf of any other accused person. (Penekanan ditambah.)

Jadi, dengan peruntukan di atas itu, adalah jelas, bahawa jika tertuduh memilih untuk dipanggil sebagai seorang saksi, maka keterangannya hendaklah diambil terlebih dahulu daripada saksi-saksi lain pembela. Dalam kes ini, saya dapati kegagalan mematuhi s 173(j)(iii), meskipun ia merupakan suatu luar aturan, ia tidaklah pula mendatangkan sebarang

A prejudis kepada perayu; malah ia telah memberi manfaat kepada perayu kerana dia telah dapat mendengar dan seterusnya berpeluang untuk membentuk pembelaannya selari dengan keterangan saksi-saksinya, dan cara ini mungkin tidak adil kepada pihak pendakwaan. Walau apapun, luar aturan dalam giliran memberi keterangan oleh perayu dalam kes ini tidak mengakibatkan kegagalan keadilan dan membatalkan prosiding (sila lihat
B s 422 KAJ).

Oleh yang demikian, rayuan perayu ditolak. Sabitan dan hukuman dikekalkan.

Rayuan ditolak.

C

Dilaporkan oleh Lim Lee Na

D

E

F

G

H

I